



PERATURAN PERTANDINGAN BOLA KERANJANG

1.0 UNDANG – UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA.
- 1.2 Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang akan bersetujuan dengan pertandingan ini, maka Undang –Undang Bola Keranjang Amatur Antarabangsa (FIBA) hendaklah diikuti.

2.0 PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN

- 2.1 Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih 12 orang pemain.
- 2.2 Hanya pemain-pemain yang didaftarkan dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan.

3.0 PERATURAN PERMAINAN

- 3.1 Mengikut Undang – Undang dan Peraturan Am Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

4.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 4.1 Sila rujuk Peraturan Am Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA.

5.0 PAKAIAN

- 5.1 Pakaian seragam (seluar dan jersi) mengikut yang telah ditetapkan Undang – undang permainan, bernombor di depan serta belakang dan menyediakan 2 set jersi putih dan berwarna gelap.

6.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

6.1 Secara Liga

6.1.1. Cara memberi mata:	Menang	2mata
	Kalah	1mata
	Kemenangan percuma	0mata
	(Walk-over)	

6.1.2. Mengikut Undang-Undang Antarabangsa (Procedure before the Games).

6.2 Secara Kalah Mati

Mengikut Undang - Undang Antarabangsa (Procedure before the Games).

7.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan Berpasukan

8.0 MASA PERLAWANAN

8.1 Masa

- 8.1.1 Tiap-tiap pasukan mestilah berada di padang permainan 15 minit sebelum masa yang ditetapkan bagi pertandingan.
- 8.1.2 Masa bermain ialah 10 minit, tiap-tiap separuh masa dengan 2 minit masa rehat (10 min + 2 min + 10 min).
- 8.1.3 Time out sekali setiap separuh masa perlawanan.

9.0 KELEWATAN

Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu. Pihak lawan akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 2 mata dan bilangan mata perlawanan 10-0. Pasukan yang memberi kemenangan percuma akan mendapat mata – 0.

10.0 BANTAHAN

Sila rujuk Peraturan Peraturan Am Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA

11.0 JURI RAYUAN

Sila rujuk Peraturan Am Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA

12.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA